

NAMA : _____
TINGKATAN : _____



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

MODUL PERCUBAAN SPM TAHUN 2025

TASAWWUR ISLAM 5226

OGOS

2 jam 30 minit

Untuk kegunaan pemeriksa	
BAHAGIAN A	/20
BAHAGIAN B	
SOALAN 1	/20
SOALAN 2	/20
SOALAN 3	/20
SOALAN 4	/20
SOALAN 5	/20
SOALAN 6	/20
JUMLAH	/100

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **empat** soalan pada **Bahagian B**.
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** dan **Bahagian B** di dalam kertas soalan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **13** halaman bercetak.

Bahagian A
[20 markah]

Jawab semua soalan berikut.

Soalan 1 hingga soalan 4

Gariskan istilah yang betul bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

No.	Pernyataan	Pilihan Jawapan
1.	Sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT semasa hidupnya.	Qadar / Qisas / Qadak
2.	Kalam Allah SWT yang diturunkan melalui malaikat Jibrail a.s kepada Rasulullah SAW untuk diamalkan dan disampaikan kepada umat manusia	Al-Quran / Wahyu / Al-Sunnah
3.	Tolong menolong antara rakan peserta skim takaful yang ditimpa musibah tertentu.	Baitulmal / Tabarru' / Ta'awun
4.	Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi.	Takzir / Diat / Qazaf

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

Nabi	Alamiyyah	Akal	Khalifah	Rasul	Nyawa	Syumuliyah
------	-----------	------	----------	-------	-------	------------

5. _____ ialah lelaki pilihan Allah SWT yang diberikan wahyu dan diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain.
6. _____ bermaksud individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT.
7. Islam menyuruh umatnya menjaga kesihatan seperti makan makanan yang halal dan baik untuk memelihara _____.
8. Islam ialah agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna meliputi kehidupan dunia dan akhirat ialah maksud _____.

Soalan 9 dan soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan jenis-jenis muamalat Islam.

Jenis muamalat	Cara pelaksanaan
R	Imtiyaz menggadaikan barangan kemas untuk mendapatkan sejumlah wang bagi memulakan perniagaan.
S	Umar menyewakan rumah miliknya selama setahun kepada Rahim dengan kadar sewa RM500 sebulan.

9. **R** ialah _____.

10. **S** ialah _____.

Soalan 11 hingga soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan.




11. **T** ialah _____.

12. **U** ialah _____.

Soalan 13 hingga soalan 14

Lengkapkan carta di bawah berkaitan dengan sifat-sifat wajib rasul.



13. **V** : _____.

14. **W** : _____.

Soalan 15 dan soalan 16

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Kesalahan	Hukuman hudud
Zina	• Belum berkahwin : Disebat 100 kali • Telah berkahwin : Direjam sampai mati
Qazaf	• Disebat ____X____ kali
Minum arak	• Disebat ____Y____ kali

15. **X** ialah _____.

16. **Y** ialah _____.

Soalan 17 hingga 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

	Pernyataan	✓ atau x
17.	Al-Hurriyyah bermaksud setiap individu dilayan dan dihormati tanpa mengira pangkat atau kedudukan masing-masing.	
18.	Bersifat benar dalam percakapan, perbuatan dan niat di dalam hati merupakan sifat mahmudah dalam pergaulan.	
19.	Sistem ekonomi konvensional boleh dilaksanakan kerana membawa banyak faedah kepada individu dan masyarakat.	
20.	Antara kepentingan memelihara fitrah kejadian insan ialah dapat membentuk kehidupan yang aman dan harmoni.	

Bahagian B
[80 markah]


Jawab **empat** soalan sahaja.

1. (a) i. Nyatakan maksud Ihsan dalam Islam. [2 markah]

- ii. Jelaskan contoh aplikasi nilai Ihsan dalam kehidupan. [2 markah]

- (b) Nyatakan tindakan yang boleh kita lakukan untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup. [2 markah]

(c)



Dalam kehidupan moden hari ini, ada individu yang mengabaikan ibadah wajib atas alasan kesibukan dan tuntutan kerja.

- i. Nyatakan **satu** contoh ibadah wajib yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu. [1 markah]

ii. Jelaskan bagaimana seorang muslim boleh mengimbangkan antara tuntutan kerja dan ibadah wajib. [5 markah]

(d) Terdapat tiga jenis pemilikan harta dalam Islam. Senaraikan **dua** daripadanya. [2 markah]

(e) i. Jelaskan kesan pekerjaan yang haram terhadap individu. [2 markah]

ii. Terangkan **dua** implikasi hidup tanpa pekerjaan terhadap negara. [4 markah]

2. (a) i. Nyatakan maksud Insan. [2 markah]

ii. Nyatakan **dua** proses kejadian Insan selepas Alaqah. [2 markah]

(b) i. Jelaskan keistimewaan Insan. [2 markah]

ii. Huraikan **dua** kepentingan Islam mewajibkan umatnya memelihara fitrah kejadian Insan. [4 markah]

(c) i. Jelaskan keunggulan sistem perundangan Islam. [2 markah]

ii. Salah satu matlamat sistem perundangan Islam adalah memelihara nyawa. Terangkan cara Islam memelihara nyawa. [2 markah]

(d)



Bagaimanakah Islam memelihara umatnya daripada terjebak dengan gejala di atas? Huraikan pendapat anda. [6 markah]

3. (a) Nyatakan **empat** sumber utama sistem sosial Islam. [4 markah]

(b)



Gambar anak sedang menyantuni ibu bapa

- i. Berdasarkan gambar di atas, nyatakan **dua** ciri kekeluargaan Islam. [2 markah]

- ii. Sebagai seorang anak, huraikan peranan anda terhadap ibu bapa. [4 markah]

- (c) i. Nyatakan **dua** prinsip tadbir urus dalam Islam. [2 markah]

- ii. Jelaskan tindakan bagi merealisasikan tadbir urus Islam dalam organisasi. [2 markah]

iii. Jelaskan kepentingan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap individu. [2 markah]

iv. Terangkan **dua** kesan mentadbir dan mengurus tidak mengikut syariat. [4 markah]

4. (a) i. Nyatakan maksud akhlak menurut Islam. [2 markah]

ii. Nyatakan **dua** ciri akhlak menurut Islam. [2 markah]

(b) Terangkan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam [4 markah]

(c) i. Nyatakan maksud Institusi Kewangan Islam. [2 markah]

ii. Senaraikan **dua** peranan Perbankan Islam. [4 markah]

(d)

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) memaklumkan sejumlah 67552 kes penipuan scam membabitkan kerugian bernilai RM2.23 bilion dilaporkan sejak 2017. -20 Jun 2021-

i. Apakah punca berlakunya masalah tersebut?

[1 markah]

ii. Kemukakan pandangan anda bagaimanakah cara mengelak diri daripada menjadi mangsa penipuan tersebut ?

[5 markah]

5. (a) i. Nyatakan maksud akal.

[2 markah]

ii. Terangkan keistimewaan al-Quran.

[2 markah]

(b)

Malaysia kelima terbanyak buang plastik ke laut

Utility Bidder dedah 2.29kg perkapita sisa disalah urus setiap tahun

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyedia perkhidmatan tenaga dari United Kingdom (UK), Utility Bidder mendedahkan Malaysia mencemari lautan dengan 2.29 kilogram (kg) plastik perkapita setiap tahun, sekali gus meletakkan negara ini kelima tertinggi di dunia yang terbabit menyebabkan pencemaran laut.

Kajian pencemaran plastik dilakukan 'Utility Bidder' ini.

Pengarah Urusan Utility Bidder, James Longley, berkata jumlah 2.29kg sisa plastik perkapita setiap tahun dari Malaysia yang mencemari lautan itu bersamaan dengan 9.9 peratus sisa plastik yang disalah urus di negara ini, iaitu sebanyak 25.49kg sisa plastik perkapita setiap tahun.

Beliau berkata, selain tersenarai sebagai negara kelima tertinggi mencemari lautan, Malaysia juga tersenarai sebagai negara ke-10 paling banyak melakukan salah urus sisa plastik perkapita.

Ketanya, sisa plastik yang tidak terurus ialah sisa yang dibuang atau dibuang di tapak pelupusan sampah tidak terkawal yang kemudian boleh menyebabkan ia mencemari lautan.

Ketua belia, Kinta Semilang

Susulan itu, Longley berkata, terdapat banyak langkah mudah boleh diambil untuk mengurangkan jumlah sisa plastik yang dibuang di tapak pelupusan sampah tidak terkawal boleh menyebabkan pencemaran lautan.

(Foto hiasan)



Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan tanggungjawab anda sebagai khalifah Allah SWT dalam memelihara dan memulihara alam. [6 markah]

(c) i. Nyatakan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** jenis hukuman jenayah dalam Islam beserta contohnya. [4 markah]

(d) Cadangkan **dua** cara anda menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah. [4 markah]

6. (a) Senaraikan **empat** garis panduan hiburan menurut Islam. [4 markah]

- (b) i. Terangkan **dua** adab dan etika kesenian Islam. [4 markah]

- ii. Berikan **dua** contoh kesenian yang dibenarkan di dalam Islam. [2 markah]

- (c) Jelaskan **dua** syarat untuk menjadi khalifah. [4 markah]

(d)

Sistem syura merupakan satu kaedah dalam pemerintahan Islam

- i. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan keistimewaan sistem tersebut.

[2 markah]

- ii. Ramalkan kesan yang akan berlaku sekiranya pemimpin negara mengabaikan sistem tersebut di dalam pemerintahan . [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT